

05 DEC 1996

ERNST & YOUNG TUBUHKAN PUSAT TEKNOLOGI SERANTAU BARU BAGI MSC

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Syarikat perakaunan, Ernst & Young, yang bercadang untuk mengembangkan perniagaan dalam pasaran baru muncul seperti Vietnam dan China, akan menubuhkan pusat serantau bagi teknologi dan latihan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pengerusi Eksekutifnya Ali Tan Sri Abdul Kadir menyatakan syarikat itu sedang berunding dengan Multimedia Development Corporation (MDC), badan yang dilantik oleh kerajaan untuk menyelaras perancangan, pembangunan dan promosi MSC, dan untuk menentukan peranannya dalam MSC.

"Pada permulaannya kami akan melabur antara AS\$500,000 hingga AS\$1 juta (RM1.26 juta hingga RM2.52 juta) bagi pusat tersebut yang akan ditempatkan di pejabatnya di Kompleks Antarabangsa dan kemudiannya dipindahkan ke Taman Teknologi di Bangi, Selangor," kata beliau dalam satu sidang berita hari ini.

MSC, yang telah mula disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengandungi kawasan 15 km kali 50 km termasuk Kuala Lumpur City Centre di sini, kawasan pentadbiran kerajaan baru di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Selangor.

Setakat ini, Ernst & Young mempunyai tiga pusat serantau di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia untuk menyokong prasarana maklumat syarikat, kata beliau.

Sementara itu, Pengarah Eksekutifnya Halim Haji Din, yang mengetuai anak syarikat jururunding syarikat itu, menyatakan pusat itu dijangka akan beroperasi menjelang suku pertama atau kedua 1997.

Pusat itu akan dihubungkan ke pusat Ernst & Young yang sedia ada di Amerika Syarikat, Eropah dan ia juga akan memberikan laluan kepada nasihat teknologi dan pengalaman global, kata beliau.

Terdahulu, Pengerusai Antarabangsanya, Micheal A. Henning menyatakan dengan penubuhan pusat itu, Ernst & Young Malaysia yang bertapak di negara ini sejak 1909, akan membantu megekalkan kedudukan syarikat itu di tingkat teratas di dunia.

Bagi tahun kewangan yang berakhir 30 Sept 1996, Ernst & Young International telah mencatatkan pulangan berjumlah AS\$7.8 bilion (RM19.656 bilion), iaitu kenaikan 13 peratus berbanding AS\$6.8 bilion (RM17.136 bilion) tahun lepas, kata beliau.

Daripada jumlah itu, rantau Asia Pasifik menyumbang hanya 12 peratus, manakala Amerika Utara dan Eropah menyumbangkan masing-masing 44 peratus, kata beliau.

Henning menyatakan syarikat meramalkan sumbangan rantau Asia Pasifik akan meningkat sebanyak AS\$100 juta (RM252 juta) dalam beberapa tahun yang akan datang. -- BERNAMA

YY RIF/sia